

05/02/2001

Kekal semangat kerjasama: PM

Mutazar Abd Ghani; Ridzuan Yop

GEORGETOWN, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyarankan rakyat pelbagai kaum di negara ini supaya mengekalkan semangat kerjasama dan perpaduan untuk memastikan Malaysia terus aman serta maju.

Perdana Menteri berkata, semangat seumpama itu juga mampu membuktikan kepada dunia bahawa Malaysia boleh melakukannya walaupun rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan kepercayaan.

"Apabila kita merdeka dahulu, ramai yang kata Malaysia tak mungkin kekal, aman dan maju. Mereka kata Malaysia yang terdiri daripada rakyat pelbagai kaum tidak akan dapat hidup aman dan majukan diri mereka.

"Tetapi, selama 43 tahun kita sudah buktikan kita boleh wujudkan keamanan walaupun kita terdiri daripada pelbagai kaum. Pada masa sama, kita juga boleh majukan negara kita.

"Kita sudah buktikan kepada dunia bahawa rakyat Malaysia cintakan keamanan, bertolak ansur antara satu sama lain, boleh hidup bersama dan kini merayakan perayaan masing-masing secara bersama," katanya pada majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina peringkat kebangsaan di Leboh Armenian dan Leboh Connon, di sini, malam ini.

Turut hadir, isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood; Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Majlis julung kali anjuran bersama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta Kerajaan Pulau Pinang, itu turut dihadiri beberapa menteri Kabinet, menteri besar, ketua menteri, exco kerajaan negeri, serta kira-kira 40,000 orang ramai pelbagai kaum.

Perdana Menteri berkata, di Malaysia rakyat pelbagai kaum hidup aman damai serta harmoni dan mereka biasanya merayakan hari raya masing-masing secara berkongsi dengan kaum dan penganut agama lain.

Menurutnya, amalan merayakan perayaan kaum utama di negara ini secara bersama sudah menjadi sebahagian daripada tradisi Malaysia.

"Ini dibuktikan dengan kehadiran lebih 30,000 rakyat untuk berkumpul bersama pada malam ini," katanya sambil menambah amalan sedemikian dapat merapatkan hubungan antara kaum di Malaysia.

Dalam usaha meningkatkan lagi semangat kerjasama dan perpaduan, Dr Mahathir berkata, Kerajaan Pusat dan negeri mulai tahun ini menjadikan perayaan kaum utama di negara ini sebagai perayaan kebangsaan yang akan dirayakan semua kaum.

Katanya, ini termasuk perayaan Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Gawai dan Pesta Keamatan.

"Cara itu kita dapat berkenalan dan boleh hilangkan perasaan syak wasangka terhadap orang lain, sekali gus membolehkan kita menumpu usaha menjayakan matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020," katanya.

Majlis rumah terbuka itu diserikan dengan beberapa acara, termasuk persembahan kebudayaan pelbagai kaum, Orkestra Simfoni Pulau Pinang, tarian Singa dan persembahan nyanyian artis popular, Elaine Kang.

Kawasan sekitar Leboh Armenian itu turut menempatkan beberapa simbol kaum seperti Masjid Leboh Acheh, Masjid Kapitan Keling, Kuil Hindu, Tokong Cina yang dibina beratus tahun lalu.

(END)

